

## Sokong pacak AES

---

Kementerian sambut baik cadangan pasang di lebuh raya kendalian PLUS

### **Petaling Jaya**

Kementerian Pengangkutan menyambut baik cadangan PLUS Malaysia Berhad (PLUS) memasang Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) dilebuhraya Kendaliannya termasuk di Jambatan Pulau Pinang tanpa mengenakan sebarang kos pemasangan kepada kerajaan. Menteriannya Anthony Loke berkata, pihaknya akan berbincang dengan PLUS mengenai cadangan dikemukakan pengendali lebuh raya itu. Beliau berkata, pada dasarnya Kementerian bersetuju dengan cadangan PLUS memasang AES dilokasi panas yang sering berlaku kemalangan.

“Lokasi AES akan ditentukan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bersama sama dengan kajian dilakukan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS). “ setakat ini, belum ada keputusan berapa jumlah dan lokasi ia akan dipasang.” PLUS hanya melaksanakan pemasangan kamera AES, tetapi pemantaunnya kelak diuruskan JPJ. Kementerian Pengangkutan tidak akan mengeluarkan peruntukkan untuk memasang AES sebaliknya PLUS yang akan menanggung kos pemasangan. “ Sebelum ini, kerajaan terpaksa membayar dengan cara dikongsi secara bersama dengan syarikat yang diberi kontrak, namun kali ini PLUS tidak akan mengenakan bayaran sesen pun,” katanya selepas melawat pejabat Agensi Pengangkutan Awam darat (APAD) di Kelana Jaya di sini, semalam. Menurutnya, ia tanggungjawab sosial korporat (CSR) PLUS dan cadangan pemasangan itu bertujuan mengelak kemalangan.

“Kerajaan bukan sesuka hati memasang AES bagi mengutip saman sebaliknya mahu pengguna lebuh raya berhati-hati ketika memandu.” Jangan ada pihak kata kerajaan suka kutip saman. Kita buat ini ada tujuan dan kajian kenapa kita pasang AES sudah dijalankan,” katanya. Beliau berkata, Singapura mencadangkan kepada Malaysia melanjutkan tempoh penggantungan kawasan Larangan (RA) kekal diruang udara Pasir Gudang dan Pelaksanaan tatacara Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) di Lapangan Terbang Seletar di Republik itu pada 31 Mei. Bagaimanapun, katanya , pada mesyuarat Kabinet kelmarin, Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad mahu ia dipendekkan kepada 31 Mac kerana tempoh itu terlalu lama.

---

**SUMBER: HARIAN METRO | M/S: 34 | 26 JANUARI 2019**